

## AHMAD ORABI

### [6]

Tuntutan Orabi diterima – jemaah menteri rakyat – Orabi dipindahkan

– Turki dan pemberontakkan Orabi- –utusan Turki yang pertama.

(oleh Abdul Rahman Al-Rāfi'ī)

#### Tuntutan Orabi diterima

Setakat itu putuslah perutusan di antara kedua belah pihak. Khadive pun bermesyuarat dengan jemaah menteri dan konsul-konsul asing yang sedang mengadapnya di istananya. Lalu mengambil keputusan mengisi tuntutan Orabi dengan beransur-ansur, kerana mengirakan sokongan tentera kepadanya, sedang Khadive sendiri tidak ada sesuatu kekuatan pun yang menjadi sendirinya. Langkah yang pertama ingatlah dilakukan oleh Khadive ialah mengeluarkan perintah merombak jemaah menteri Riyadh Basya.

Keputusan ini telah disampaikan kepada Ahmad Orabi lalu dipinta persetujuannya supaya jawatab perdana menteri dipegang oleh Ali Haidar Basya. Permintaan itu ditolak oleh Orabi kerana Haidar Basya dari kaum Qurbah Khadive. Akhirnya – dengan persetujuan kedua pihak – jawatan perdana menteri itu telah disandang oleh Syarif Basya.

Orabi pun berangkat ke istana mengadap Khadive mengucapkan terima kasihnya kerana tuntutan rakyat yang telah terkabul itu. Sementara itu berita jemaah menteri meletak

jawatan dan Syarif Basya ditugaskan membentuk jemaah menteri baharu telah disiarkan oleh akhbar “Al-Waqā‘i al-Miṣriyyah”, lidah kerajaan dalam keluaran hari Ahadnya bertarikh 11 September 1881.

#### Jemaah menteri Rakyat

Sudah tentu Ahmad Orabi akan mencampuri soal pembentukan jemaah menteri dan memberi fikiran tentang menteri-menteri yang akan dilantik itu kerana dialah yang telah menjatuhkan kerajaan Riyadh Basya dengan kekuatan tentera dan dialah yang telah memberi Syarif Basya menyandang jawatan perdana menteri. Syarif Basya bukan tidak mengetahui hal itu, tetapi dia seorang yang tidak mahu dijadikan alat. Ia seorang yang berfikiran bebas dan sangat-sangat menjaga kehormatan diri. Ia tidak mahu diperintahkan, apa lagi ia sudah terasa akan bahaya kemasukan tentera mencampuri siyasah. Ia memandang jika berkekalan hal yang demikian akan menjadu suatu kaedah yang akan diturut dalam menguruskan soal-soal dalam negeri, yang berakibat akan merosakkan pemerintahan dan membawa kepada terbentuknya pemerintahan tentera yang bermaharajalela

(secara diktator), yang tidak akan diharap daripadanya keadilan atau kebebasan ataupun undang-undang perlembagaan kerana itulah Syarif Basya kedapatan bersungguh-sungguh berusaha meletakkan sukatan bagi kemasukan tentera di dalam urusan pemerintahan.

Tentang soal memilih anggota jemaah menteri, dan langkah Orabi mencampuri hal itu, menjadikan Syarif Basya tersengkak beberapa hari daripada menerima jawatan itu, tetapi akhirnya, apabila Orabi dan rakan-rakannya telah memberi jaminan dengan bersurat bahawa tentera tidak akan mencampuri urusan pemerintahannya – pada 14 September 1881 – termasuk di dalamnya Mahmud Sāmī al-Bārūdī (menteri perang) sebagaimana yang dikehendaki oleh Orabi.

Jemaah menteri yang telah dibentuk oleh Syarif Basya adalah terhitung jemaah menteri rakyat kerana tujuan terbentuknya ialah kerana menunaikan tuntutan-tuntutan anak negeri dan bijak pandainya. Umat Mesir telah menyambut pembentukannya dengan sukaria dan telah meletakkan harap kepadanya supaya dapat kiranya mengadakan perlembagaan atau undang-undang tubuh kerajaan yang didasarkan keadilan.

Tanggungjawab yang telah dipertanggung kepada perdana menteri Syarif Basya oleh pemimpin-pemimpin yang memimpin langkah yang pertama ia telah mengatur cara-cara yang bijak bagi mengembalikan tentera kepada memelihara disiplin, kerana pemberontakkan yang telah berlalu itu dengan sifatnya pemberontakkan yang diarahkan oleh tentera, menjadikan angkatan tentera terpesong dari tujuan asalnya, iaitu memelihara keamanan dan mengawal negeri dari kecerobohan. Pemberontakkan itu telah menjadikan anggota tentera suatu alat politik bagi menguasai negeri dan menjalankan pemerintahan. Inilah punca yang berbahaya kerana dengan keadaan yang demikian peraturan dan suasana tentera

akan rumusan dan akibatnya kerajaan akan menjadi mangsa beliau.

Syarif Basya pun menjalankan ikhtiyarnya yang bersungguh-sungguh bagi memisahkan tentera daripada politik, lalu dipersetujui oleh Orabi dan rakan-rakannya yang telah datang memberi tahniah sebaik-baik sahaja jemaah menteri itu terdiri. Pada hari itu Ahmad Orabi telah menyampaikan terima kasihnya atas nama angkatan tentera – kepada Syarif Basya dan menyatakan bahawa pihaknya menyokong dengan sepenuhnya, dan sebagai tentera yang bertanggungjawab, pihaknya sedia menunaikan perintah-perintah kerajaan, tetapi dalam pada itu pihaknya mempunyai hak-hak yang tertentu dan berharap dengan bantuan kerajaan akan tercapai.

Daripada ucapan Orabi itu jelaslah bahawa telah mengakui hendak menjaga disiplin dengan mengatakan bahawa angkatan tentera ialah kekuatan yang menunaikan perintah-perintah kerajaan,

Peluang ini tidak dibaikkan oleh Syarif Basya lalu ia memberi ucapan membalas terima kasih sambil memberi nasihat menarik perhatian pihak tentera sampai menjauhkan diri daripada politik, katanya:

“Mengenai jawatan yang tuan-tuan sedang sandang ini, orang-orang dahulu kala pernah berkata: penyakit orang yang menjadi pemimpin ialah siyasahnya yang lemah. Tidak ada kerajaan melainkan dengan kekuatan, dan tidak ada kekuatan melainkan dengan tunduknya angkatan tentera menurut perintah dengan sepenuhnya.

“Tiap-tiap kerajaan teragung di atasnya kewajipan yang mesti ditunaikannya. Setengah daripadanya ialah memelihara keselamatan negara dan mengawal keimanan di dalamnya. Tetapi semuanya itu tidak akan tertunai melainkan dengan angkatan tentera. Tersingkapnya saya pada mulanya daripada menerima jawatan ketua kerajaan ialah kerana saya hendak menjauhkan diri daripada mendirikan sebuah kerajaan

yang tidak kuat yang akan menghampakan harapan rakyat dan menambahkan kacau bilau lagi, dan dengan itu saya akan menjadi landasan dari saudara-saudara saya yang sebangsa dan orang-orang asing juga. Oleh kerana Tuhan Azza wa jalla telah menolong kita dan yakin di hati saya bahawa pihak tuan-tuan akan tunduk menurut, hinggalah apa yang saya runsingkan itu, dan saya pun membentuk jemaah menteri yang baharu daripada orang-orang yang bersih namanya dan tetap pendiriannya. Saya berpesan sampai berhati-hati dalam segala gerak langkah, kerana yang demikian sangatlah penting salam perkara-perkara tentera dan menjadi asas kekuatannya. Ketahuilah bahawa tuan-tuan sedang menyandang semulia-mulia jawatan untuk kepentingan negara, maka tunaikanlah kewajipan-kewajipan yang telah dipertanggungjawabkan itu dan tunaikanlah tiap-tiap perkara yang menambatkan kemuliaan tuan-tuan. Mudah-mudahan pihak tuan-tuan dan pihak kami mendapat taufik ilahi.”

Ucapan Syarif ini walaupun ringkas tetapi telah meliputi setinggi-tinggi kata-kata yang dapat dihamburkan oleh seorang pemimpin politik yang bijaksana dan jauh pandangan dalam masa kerajaannya baharu terbentuk, kerana tidak terselindung ketika itu bahawa kerajaan-kerajaan penjajah – terutamanya Inggeris – sedang melihat-lihat kepada pembaru tetapkan yang telah dipimpin oleh Ahmad Orabi itu sampai dapat dijadikan alasan bagi mencampuri urusan negara Mesir. Cita-cita kerajaan-kerajaan penjajah yang tersebut tidak selindung dari pengetahuan Orabi sendiri. Ia telah menyebut di dalam buku peringatannya bahawa dia dan rakan-rakannya sesudah berlaku peristiwa istana Qasr al-Nil telah melihat konsul Inggeris berulang alik siang malam ke istana Khadive.

Sehingga menjadikan Orabi dan rakan-rakannya berhenti cemas terhadap nasib negeri Mesir dari angkara Inggeris bahkan mereka telah bercakap-cakap tentang niat Inggeris hendak menjajah Mesir sebagaimana langkah Perancis yang

telah menjajah Tunis pada tahun itu juga – 1881 dengan langkahnya itu perdana menteri Syarif Basya telah berusaha sampai jangan kerajaan penjajah mengambil peluang mencampuri urusan segera Mesir, dan kerana itu ia tidak lupa menasihati Orabi dan rakan-rakannya sampai jangan mencampurkan tentera yang dipimpinnya dalam lautan politik yang akan menimbulkan kacau bilau dan menyebabkan kerajaan asing campur tangan tidak berselindung juga bahawa pimpinan-pemimpin pembaru tetapkan dari perkara-perkara tentera telah merasa bangga dengan kejayaan tentera yang tersebut, kerana merekalah penggerak, dan dengan usaha mereka jatuhlah kerajaan Riyadh yang dibenci oleh rakyat dan terdirilah kerajaan Syarif Basya yang diharap-harapkan itu. Kalau Syarif Basya tidaklah berjiwa besar dan kuat sahsiahnya, tentulah ia telah menjadikan ucapannya itu mengampu-ngampu pegawai-pegawai tentera bagi menarik mereka kepihaknya, tetapi ia sebaliknya telah menghalakan kata-katanya kepada mereka mereka sebagai penasihat yang ikhlas dan mengajak mereka supaya berada dalam perangkan kewajipan yang dipertanggungjawabkan atas mereka iaitu taat setiap, berdisiplin dan mengawal tanah air.

Bukan orang yang seperti Syarif Basya itu dapat dijadikan alat oleh angkatan tentera dan pegawai-pegawai, kerana dengan membentuk jemaah menterinya itu ia tidak mengharapkan pengkah kebesaran atau pengaruh kekuasaan, Ia terkenal seorang yang bersih nama baiknya di sepanjang-panjang hayatnya, Sejarah hidupnya yang telah lalu menjadi saksi bahawa dia tidak haloba kepada jawatan-jawatan yang tinggi yang diperjuangkannya dan kehormatannya. Bahkan dia lebih lama dalam perjuangan politik menuntut diadakan undang-undang tubuh kerajaan iaitu lebih lama daripada gerakan Orabi dan rakan-rakannya kerana melalui tanganlah bentuk (sambungannya pada muka 37)

sambungan dari muka 32

Majlis mesyuarat perwakilan rakyat telah meningkat maju setapak lagi ketika kerajaannya yang pertama yang telah dibentuknya dalam zaman Khedive Ismail dahulu telah dibentuk di atas dasar: bahawa jemaah menteri yang bertanggungjawab kepada majlis mesyuarat. Melalui tangannya juga telah berbentuk Undang-undang Tubuh Kerajaan tahun 1879 menurut dasar-dasar moden kerana undang-undang tubuh kerajaan juga ia telah meletak jawatan daripada mengetuai jemaah menteri kali yang kedua dalam permulaan zaman Khedive Taufik, maka tidak pelik kalau Syarif Basyar merasa kemuliaan diri dan kebebasan berfikir ketika berhadapan dengan Ahmad Orabi dan rakan-rakannya.

Kerajaan Syarif Basya yang baharu terbentuk telah mengerjakan banyak perkara untuk kebaikan negeri dalam masa yang pendek. Setengah daripada perkara yang telah yang telah ditunaikan ialah mengeluarkan undang-undang tentera yang bertujuan memperbaiki tentera dari berbagai-bagai tingkatannya dan memperbaiki susunan pelajaran dalam kolej-kolej tentera.

Langkah kerajaan yang demikian, menjadikan pegawai-pegawai tentera menyebutnya dengan suka cita dan makin menumpahkan kepercayaan kepada jemaah menteri Syarif Basya. Mereka telah pergi ke rumahnya mengucapkan terima kasih dan berjanji bahawa mereka sedia taat setia kepada kerajaan dan sedia bergerak kearah mana sahaja diperhatikan.

### Orabi dipindahkan

Dengan tujuan hendak mengurangkan pengaruh tentera atas kerajaan dan menjauhkan tentera daripada politik maka Syarif Basya pun berunding dengan Orabi supaya dia dan rakan-rakan sejauhnyanya meninggalkan Kaherah bersama-sama dengan pasukan masing-masing kerana maslahat negara berkehendak yang demikian supaya tidak ada pihak yang

merasa cemas dan kerajaan pula akan kuat kedudukan dan dapat menghadapi kerajaan-kerajaan asing. Hajat Syarif Basya makin bertambah kuat kerana ketika itu kerajaan Turki telah mengutuskan beberapa orang utusannya ke Mesir dengan tujuan hendak menyiasat sebab-sebab yang menjadikan Ahmad Orabi bangun membaru tetap peluang itu telah dijadikan alasan oleh Syarif Basya bagi memindahkan Orabi dan rakan-rakannya ke lain daerah supaya itu akan menunjukkan bahawa Orabi masih taat setia kepada kerajaan. Orabi sendiri masih pula mengatakan bahawa permintaan itu diterima dengan bersyarat, iaitu Khedive Taufik dikehendakki mengeluarkan perintah supaya wakil-wakil dalam majlis mesyuarat itu hendaklah dipilih dan akhirnya perintah itu dikeluarkan pada 4 Oktober 1881.

Berangkatlah Orabi bersama-sama dengan angkatan tenteranya meninggalkan bandar Kaherah menuju ke tempat kedudukannya yang baharu dalam daerah al-Sharqiyah. Ia telah disebut dengan tempat sorok di sepanjang-sepanjang pelajaran sebagai pahlawan tanah air dan telah ditaburi bunga.

Tingkatlah ia di sana kira-kira tiga bulan sambil melaut segala corak rantau dan menyebarkan faham yang diperjuangkannya di antara sekalian penduduk sehingga menjadikan kerajaan merasa kluatir jangan-jangan dia makin bertambah besar pengaruhnya. Akhirnya ia telah diangkat menjadi timbalan menteri perang. Lantikannya itu telah disahkan pada 4 Januari 1882.

Baliklah ia ke bandar Kaherah dan tinggalah ia menetap di dalamnya. Semenjak itu rumahnya telah menjadi tumpuan orang ramai bahkan telah menjadi tumpuan pemberita-pemberita akhbar Eropah yang tidak putus-putus datang mengunjunginya dan menuliskan keterangannya tentang pergerakan yang telah di kemudian olehnya, sehingga akhirnya taman telah bertambah masyhur di Eropah.

-bersambung